

21 OCT 2001

APEC-Pengganas

PEMIMPIN APEC KUTUK SERANGAN DI AMERIKA

Oleh: Mohd Kamel Othman

SHANGHAI, 21 Okt (Bernama) -- Ketua-ketua kerajaan forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik telah sepakat mengutuk serangan pengganas terhadap Amerika pada 11 Sept lepas, dengan menganggap serangan itu sebagai ancaman kepada keamanan, kemakmuran dan keselamatan semua manusia, agama dan negara.

"Keganasan juga secara langsung mengancam wawasan APEC untuk mewujudkan negara-negara yang bebas, terbuka dan makmur serta kepada nilai asas yang dipegang oleh anggota-anggota APEC," kata satu kenyataan pemimpin-pemimpin berkenaan di akhir mesyuarat mereka di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ialah antara pemimpin APEC yang menghadiri mesyuarat dua hari itu. Yang lain termasuk Presiden Amerika George W. Bush dan Presiden Rusia Vladimir Putin.

Para pemimpin APEC itu menekankan tentang perlu dipertingkatkan kerjasama antarabangsa di semua peringkat untuk membanteras keganasan, dan dalam soal ini, mahukan Bangsa-bangsa Bersatu memainkan peranan utama.

Pada 11 Sept lepas, pengganas menggunakan dua pesawat penumpang yang dirampas untuk merempuh dan meranapkan dua menara World Trade Center di New York dan sebuah lagi pesawat penumpang untuk menyerang Pentagon di Washington, menyebabkan lebih 5,600 orang terbunuh di kedua-dua tempat itu.

Para pemimpin itu berikrar untuk bekerjasama sepenuhnya menerusi hubungan yang rapat termasuk yang melibatkan dasar ekonomi serta pihak berkuasa kewangan untuk menentukan keganasan antarabangsa tidak menggugat mana-mana negara dan pasaran.

Antara langkah menangkis keganasan ialah menerusi tindakan kewangan yang sewajarnya untuk menyekat pengaliran pembiayaan kepada pengganas, menghendaki semua negara melaksanakan peraturan keselamatan pengangkutan laut dan udara serta memantapkan keselamatan kegiatan APEC dalam bidang perlindungan bagi sektor termasuk telekomunikasi, pengangkutan, kesihatan dan tenaga.

Ketua-ketua kerajaan itu juga mahukan supaya rangkaian hubungan kastam diperkukuhkan selain mencadangkan supaya dimajukan satu sistem rekod pergerakan elektronik yang akan menjamin keselamatan sempadan.

Mereka juga mahu kerjasama digalakkan untuk mengurangkan kesan ekonomi daripada serangan serta tindakan untuk memulihkan keyakinan terhadap rantau Asia Pasifik menerusi dasar dan langkah untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

-- BERNAMA  
MKO KHY MAI